Malaysian Global Innovation & Creativity Centre

Inisiatif penjana
Pelan Jana Semula Ekonomi Negara

# Geran Padanan Impak Sosial

Panduan Langkah-demi-Langkah



# Siapa layak memohon Geran SIM?

# Siapa boleh memohon?

**Geran Maksimum yang Dibenarkan**

**Entiti perniagaan** dengan kempen pendanaan awam yang berjaya

**Perusahaan Sosial Bertauliah** sedia ada (di bawah Pentauliahan SE. Kebangsaan) → **YA** → RM500,000

**TIDAK**

**Perusahaan Sosial Tidak Bertauliah,** memenuhi kriteria berikut: → **YA** → RM250,000

- **Matlamat alam sekitar dan/atau sosial yang jelas**
- **Lebih daripada 30% hasil dijana berbanding dengan melalui sumbangan dan geran**
- **Memenuhi satu daripada yang berikut:**
  - sekurang-kurangnya 30% daripada tenaga kerja daripada kumpulan benefisiari sasaran
  - minumum 15%daripada kos perniagaan dibelanja untuk mencapai misi alam sekitar atau disalur ke arah perjuangan sosial
  - 30% daripada keuntungan diagih kembali kepada operasi perniagaan untuk mencapai misi alam sekitar/sosial

**TIDAK**

**Individu** dengan kempen pendanaan awam yang berjaya

**Individu atau entiti,** memenuhi kriteria berikut: → **YA** → RM20,000

- **Perancangan jelas untuk menangani kebimbangan alam sekitar/sosial.**
- **Golongan sasar**
- **Mewujudkan struktur/produk berdaya maju minimum**

**TIDAK**

**Tidak layak untuk memohon**

# Gambaran Keseluruhan : Proses Permohonan

# Proses Permohonan

## Langkah 1

**Mohon untuk Kelayakan**

**Semak Kelayakan**
Dalam 5 hari bekerja

Sekiranya lulus

## Langkah 2

**Hantar proposal anda**

**Penyerahan Cadangan**
Dalam 5 hari bekerja

**Usaha wajar oleh MaGIC**
14 hari bekerja tertakluk kepada maklumat lengkap

**Kelulusan oleh Jawatankuasa Kelulusan (JAC)**
Pengumuman keputusan dalam 5 hari bekerja.

Sekiranya lulus

## Langkah 3

**Terima geran**

**Bukti penyerahan**
Untuk dilengkapkan sebelum pengagihan geran

**Pengagihan Geran**
Berdasarkan tranche, tranche pertama dalam 14 hari bekerja

| | |
|---|---|
| Geran sehingga RM50,000 | 1 Tranche |
| Geran antara RM50,001 hingga RM200,000 | 2 Tranche (dengan peristiwa penting) |
| Geran antara RM200,001 hingga RM500,000 | 3 Tranche (dengan peristiwa penting) |

# Langkah demi Langkah: Proses Permohonan

# Proses Permohonan

Malaysian Global Innovation & Creativity Centre

## Langkah 1

**Mohon untuk Kelayakan**

**Semak Kelayakan**
Dalam 5 hari bekerja

Kembali kepada tinjauan proses permohonan

### a) Serah maklumat untuk semakan kelayakan

**Untuk memberi maklumat tentang kriteria berikut:**

**Kriteria 1: Kempen pendanaan awam yang berjaya**

**1.1** Kempen pendanaan awam mengumpul sekurang-kurangnya RM5,000 dan mencapai atau mengumpul dana awam sekurang-kurangnya 80% daripada jumlah geran yang disasar untuk digunakan 80% (RM80,000)

**80% (RM80,000)**

**Sebagai contoh Bagi permohonan geran sebanyak RM100,000, permohonan Geran SIM layak hanya sekiranya RM80,000 telah berjaya dikumpul.**

**1.2 Dana mesti dikumpul berkuatkuasa mulai 1 Julai 2020.**

**1.3 Sumber modal yang layak, ditakrif seperti berikut:**

- Derma: hasil amal sukarela atau bersifat dermawan diterima tanpa rekursa; dan/atau
- Sumbangan: modal diterima tanpa rekursa untuk disalurkan khusus untuk menyebarluas dan/atau meningkatkan penyelesaian inovatif untuk impak sosial termasuk:
  - Geran terus; dan/atau
  - Dana atau geran lain diterima daripada program pembinaan kapasiti disahkan

**1.4 Modal mesti diterima daripada entiti berdaftar,** contohnya. Syarikat korporat berdaftar, Organisasi Bukan Kerajaan (NGOs), individu yang disahkan, berpangkalan dalam dan/atau luar Malaysia; dan **tidak termasuk mereka yang menerima secara langsung dan/atau tidak langsung daripada Kerjaan dan/atau entiti berkaitan Kerajaan** seperti agensi Kerajaan dan badan kawal selia yang dibiayai secara langsung oleh Kerajaan Malaysia.

# Proses Permohonan

## Langkah 1

**Serah cadangan anda**

**Semak Kelayakan**
Dalam 5 hari bekerja

Kembali kepada tinjauan proses permohonan

### a) Serah maklumat untuk semak kelayakan (samb.)

**Untuk memberi maklumat tentang kriteria berikut (samb.):**

**Kriteria 2: Status kelayakan diterangkan di bawah bahagian "Siapa boleh memohon untuk Geran SIM"**

**Kriteria 3: Menyediakan penyelesaian inovatif dalam sebarang kawasan impak berikut:**

- Punca Pendapatan Komuniti
- Keselamatan Makanan
- Pemuliharaan Warisan
- Kesejahteraan dan Sosial Kesihatan
- Perlindungan Alam Sekitar

**Kriteria 4: Manfaat langsung dan/atau tidak langsung jelas untuk kumpulan benefisiari sasaran**
**kembali kepada tinjauan tentang proses permohonan**

**Pemohon berkelayakan akan dimaklum melalui emel untuk Langkah seterusnya**

# Proses Permohonan

MaGIC
Malaysian Global Innovation & Creativity Centre

## Langkah 2

**Serah cadangan anda**

**Serahan cadangan anda**
Dalam 5 hari bekerja

### b) Serah cadangan untuk penilaian

**Untuk menyediakan bahan cadangan dan maklumat yang mengandungi kriteria berikut:**

1. Projek atau inisiatif yang dirancang bersama dengan pelan perniagaan
2. Unjuran aliran tunai (untuk geran melebihi RM50,000 - minimum 3 tahun) dengan keterangan kos yang dibelanjakan dan maklumat berkaitan lain untuk penilaian yang memuaskan
3. Jadual tentang penggunaan hasil kedua-dua bahagian dana awam dan Geran SIM (mengikut tranche sekiranya >RM50,000);
4. Petunjuk impak (peralatan akan diberikan) untuk mengesan kemajuan projek/inisiatif yang dirancang
5. Pelan pelaksanaan terperinci (iaitu garis masa, mekanisme pengesanan impak/peristiwa penting)
6. Rekod pengesanan sejarah (penyata kewangan) di mana tersedia; dan
7. Bukti kelayakan pihak pengurusan (pasukan dan/atau profil penggalak)

*Sekiranya melebihi 5 hari bekerja, kelewatan pemprosesan akan berlaku berdasarkan permohonan yang diserahkan terdahulu.

**Proses usaha wajar oleh MaGIC**

14 hari bekerja tertakluk kepada sama ada maklumat lengkap

### c) Memulakan usaha yang wajar

**Setelah penyerahan dokumen cadangan, proses usaha wajar akan bermula**

Apabila permohonan dikaji semula, permohonan dan penemuan usaha wajar akan diserahkan kepada Jawatankuasa Kelulusan Bersama untuk pertimbangan dan kelulusan.

*MaGIC mungkin akan meminta maklumat tambahan atau dokumen sokongan untuk menyempurnakan proses usaha wajar.

Kembali kepada tinjauan proses permohonan

# Proses Permohonan

## Langkah 2

**Serah cadangan anda**

**Kelulusan oleh Jawatankuasa Kelulusan Bersama (JAC)**

Pengumuman keputusan dalam 5 hari bekerja

**d) Penilaian oleh JAC**

**Permohonan akan dinilai menurut Kriteria Utama di bawah:**

1. Novelty of innovation
2. Kebaharuan Inovasi
3. Keberkesanan penggunaan hasil
4. Kebolehlaksanaan cadangan
5. Kebolehskalaan Impak
6. Keupayaan pasukan pengurusan/penggalak

JAC terdiri daripada wakil tetap daripada organisasi terpilih yang dilantik untuk Geran SIM.

*JAC akan bersidang pada tarikh yang ditentukan terlebih dahulu untuk mengkaji semula permohonan dan memastikan tempoh pertimbangan yang mencukupi untuk setiap permohonan, MaGIC berhak untuk melewatkan proses usaha wajar sekiranya jumlah permohonan melebihi amaun yang munasabah.

**Pemohon yang diluluskan akan dimaklum melalui emel untuk meneruskan Langkah 3**

Kembali kepada tinjauan proses permohonan

# Proses Permohonan

## Langkah 3

**Terima Geran**

### Bukti Penyerahan

Akan diserahkan sebelum pengagihan geran

### Pengagihan Geran

Mengikut tranche, tranche pertama dalam 14 hari bekerja

**e) Menyediakan pendokumen untuk bukti resit**

**Perlu menyediakan dokumen berikut:**

1. Bukti amaun dana awam yang diterima
2. Perjanjian geran ditandatangani dengan MaGIC menggariskan apa yang perlu dihasilkan dan/atau peristiwa penting serta terma dan syarat berserta dengan Geran SIM.

**f) Pengagihan Geran**

**Geran akan diagihkan dalam tranche seperti berikut**

| | |
|---|---|
| Geran sehingga RM50,000 | Tranche 1 |
| Geran dari RM50,001 sehingga RM200,000 | Tranches 2 (dengan peristiwa penting) |
| Geran dari RM200,001 sehingga RM500,000 | Tranches 3 (dengan peristiwa penting) |

**Cadangan dengan peristiwa penting perlu laporan berkala kepada MaGIC dan penggunaan geran adalah tertakluk kepada syarat dan terma berserta dengannya.

Kembali kepada tinjauan proses permohonan

# Maklumat lanjut...

Untuk memohon Geran SIM:
[https://mymagic.my/penjana-sim-grant](https://mymagic.my/penjana-sim-grant)

Untuk pertanyaan lanjut:
[penjanasegrant@mymagic.my](mailto:penjanasegrant@mymagic.my)

